

07/03/1999

15 saksi dipanggil beri keterangan

Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Kes pembelaan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bermula sejak 8 Februari lalu, kini sudah memanggil 15 saksi dan dua daripadanya tidak dibenarkan memberi keterangan oleh Mahkamah Tinggi di sini kerana tidak relevan dengan kes.

Pembelaan Anwar yang perlu membuktikan beliau tidak bersalah atas empat tuduhan mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (kuasa-kuasa perlu) Darurat 1970 dan mahu membuktikan terdapat konspirasi polis yang membuat tohmahan terhadapnya.

Bagaimanapun, Anwar dalam kes pembelaannya tidak boleh menyentuh dan menafikan dakwaan liwat terhadapnya berikutan tuduhan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipinda oleh pendakwa.

Mahkamah juga memerintahkan pihak pembelaan Anwar tidak boleh menyentuh mengenai dakwaan konspirasi politik terhadapnya.

Perbicaraan yang sudah memasuki hari ke-66 pada Jumaat lalu, menyaksikan 15 saksi pembela dipanggil iaitu Anwar; bekas juruiring Asisten Superintendan Zull Aznam Haron; bekas Setiausaha Sulit di Kementerian Kewangan, Mohamed Ahmad; pemandu, Abdullah Sani; Pesuruhjaya Sumpah Ngui Kee Heong; bekas komando, Ma'amin Latip; peguam Manjeet Singh; peguam Sukhdev Singh; Ketua Penolong Setiausaha Parlimen Zamani Sulaiman; Dr Vasantha Nair; bekas Setiausaha sulit Mohamad Azmin Ali; dan empat wartawan, E Sivabalan, Ashraf Abdullah, Saodah Elias dan Rusdi Mustapha.

Hakim Datuk S Augustine Paul tidak membenarkan dua daripada saksi pembela iaitu Dr Vasantha Nair daripada Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan peguam Sukhdev Singh daripada memberi keterangan kerana tidak relevan dengan kes.

Paul juga tidak membenarkan permohonan pembela untuk memanggil semula ahli patologi Dr Halim Mansar kerana juga dikatakan tidak relevan dengan kes.

Perbicaraan pada minggu ini yang dimulakan pada Isnin lalu dengan pembela memanggil tujuh saksi iaitu Mohamed, Ngui, Sivabalan, Ashraf, Saodah, Abdullah dan Ma'amin.

Mohamad dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa Anwar enggan bertemu dengan Azizan bagi mengelak sebarang tohmahan.

Katanya, tujuan Azizan ingin berjumpa Anwar pada Jun 1998 adalah bagi meminta pertolongan bekas Timbalan Perdana Menteri itu berhubung permohonan kontrak syarikat Azizan dengan Tenaga Nasional Berhad.

Abdullah, pemandu kepada Anwar sejak 1983, pula berkata, beliau tidak pernah nampak Azizan memandu kereta yang dinaiki Anwar sepanjang Azizan bertugas sebagai pemandu kepada Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Ngui pula berkata, tiada siapa yang memaksa atau memujuknya untuk mengesahkan akuan berkanun yang dibuat oleh Azizan.

Sivabalan, wartawan dari Bernama, Ashraf dan Saodah dari New Straits Times (NST) dipanggil bagi mengesahkan laporan akhbar yang dibuat mereka daripada sidang akhbar yang diadakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar di Shah Alam pada dua tarikh yang berbeza.

Ma'amin memberi keterangan bagi menyatakan hubungannya dengan Azizan sehingga Azizan membuat akuan berkanun bagi menafikan dakwaan seperti yang terdapat dalam buku 50 Dalil Mengapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri.

Selain itu, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu mahkamah bahawa terdapat keterangan yang tidak boleh disiarkan oleh media selepas

diarahkan oleh mahkamah ada dikeluarkan dalam Internet.

Perbicaraan yang bersambung pada Selasa lalu dengan Ma'amin masih di kandang saksi. Ma'amin dalam keterangannya berkata yang beliau diminta oleh Abdul Rahim Dahalan atau Rahim King untuk memerhati Azizan.

Beliau yang pernah bertugas sebagai jurulatih dalam Biro Tatanegara (BTN) berkata beliau tidak pernah memaksa atau mengugut Azizan membuat akuan berkanun.

Peguambela Raja Aziz Addruse membuat permohonan supaya Anwar dibenarkan hadir pada Suruhanjaya Diraja berhubung siasatan kecederaan Anwar ketika ditahan di Bukit Aman.

Paul membenarkan Anwar menghadiri siasatan berkenaan tetapi tidak membenarkan penangguhan perbicaraan kes itu.

Menurutnya, kes itu tetap akan diteruskan walaupun tanpa kehadiran Anwar.

Dengan keputusan mahkamah itu, Anwar memutuskan untuk tidak pergi mendengar siasatan kes kecederaannya itu.

Perbicaraan pada Rabu diteruskan dengan Ma'amin menyambung keterangannya.

Selepas Ma'amin selesai memberi keterangan, pihak pembela memanggil saksi ke-10, Manjeet, bagi memberi keterangan.

Manjeet dipanggil sebagai saksi kerana peguam yang mewakili Datuk S Nallakaruppan itu membuat perhubungan dengan Jabatan Peguam Negara bagi mengurangkan tuduhan terhadap Nallakaruppan.

Bagaimanapun, Mohtar membuat bantahan terhadap soalan yang dikemukakan terhadap Manjeet kerana ia tidak relevan dengan fakta dan isu dalam perbicaraan kes Anwar itu.

Mahkamah kemudian menetapkan Isnin ini bagi kedua-dua pihak berhujah berhubung dengan isu itu.

Perbicaraan pada Khamis dimulakan dengan memanggil Zamani, Rusdi dan kemudian Dr Nair.

Bagaimanapun, Paul memerintahkan keterangan Dr Nair tidak ada kaitan dengan kes.

Sebelum Dr Nair memulakan keterangannya, Paul bertanya kepada pembela apakah relevannya saksi itu terhadap kes Anwar.

Peguam Christopher Fernando memberitahu mahkamah bahawa Dr Nair adalah doktor yang merawat Anwar ketika Anwar ditahan di Bukit Aman.

Menurut Fernando, Dr Nair dipanggil bagi membuktikan konspirasi polis terhadap Anwar.

Paul juga menolak permohonan peguambela Anwar bagi memanggil semula Dr Abdul Halim kerana tidak relevan dengan kes itu.

Dr Abdul Halim juga adalah doktor yang merawat Anwar ketika dalam tahanan.

Pembela kemudian memanggil saksi ke-14 mereka iaitu Mohamad Azmin untuk memberi keterangan.

Mohamad Azmin dalam keterangannya berkata, beliau mempercayai isterinya, Shamsidar Taharin, dengan sepenuhnya dan begitu juga terhadap Anwar.

Menurutnya, beliau mengenali Anwar lebih daripada 10 tahun dan tidak mungkin bagi Anwar membuat perkara terkutuk terhadap isterinya.

Dalam surat Perihal Salah Laku Seks Timbalan Perdana Menteri yang ditulis Ummi Hafilda Ali kepada Perdana Menteri, terdapat tohmahan bahawa Anwar mempunyai hubungan sulit dengan Shamsidar.

Apabila mahkamah bersidang pada Jumaat, Fernando memberitahu mahkamah bahawa Mohamad Azmin tidak dapat hadir di mahkamah kerana tidak sihat berikutan keracunan makanan.

Mohamad Azmin akan menyambung keterangannya pada Isnin ini.

Pihak pembela memanggil saksi mereka ke-15 Sukhdev Singh, tetapi ditolak oleh mahkamah kerana dikatakan tidak relevan dengan kes.

Sukhdev adalah peguam yang ditemui Azizan bagi membuat akuan berkanun dengan mengatakan buku '50 Dalil' adalah tidak benar dan berniat jahat.

Menurut Paul, keterangan yang akan diberi Sukhdev iaitu sama ada beliau memaksa Azizan membuat akuan berkanun adalah tidak penting kepada mahkamah.

(END)